



SETINGGAN DI BANDARAYA DASAR, ISU DAN  
MASALAH DARI KACAMATA KEMENTERIAN



(KL)  
305.  
56  
ABD



## SIRI SEMINAR FAKULTI

SETINGGAN DI BANDARAYA:  
DASAR, ISU DAN MASALAH DARI KACAMATA KEMENTERIAN

Oleh

YB ENCIK ABDULLAH HJ. AHMAD

dalam bengkel

MASALAH SETINGGAN DI KOTA

UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA,  
**BANGI, SELANGOR, MALAYSIA**



Pertanyaan kepada  
Dekan  
Fakulti Sains Kemasyarakatan  
dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi SELANGOR

Enquiries to  
Dean  
Faculty of Social Sciences  
and Humanities  
National University of Malaysia  
Bangi SELANGOR



## TUJUAN

Adapun tujuan kertas kerja ini adalah bagi membincangkan perkara-perkara yang ada hubungan dengan dasar isu ~~DAN~~ <sup>DAN</sup> masalah setinggan-setinggan sebagaimana yang dipandang dari kacamata Kementerian terhadap perkara-perkara yang telah dijalankan, sedang dan akan dijalankan bagi mengatasi masalah kedudukan setinggan-setinggan di Bandaraya Kuala Lumpur. Tujuan selanjutnya ialah bagi menghuraikan dasar-dasar ataupun tujuan tentang pemulihan taraf kedudukan setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan.

## LATARBELAKANG

2.1 Kedudukan setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan dan sekitarnya bukanlah perkara baru yang dihadapi oleh pentadbiran, jabatan-jabatan serta Kementerian-kementerian Kerajaan, tanah per-sendirian di Wilayah Persekutuan ataupun Kuala Lumpur sejak merdeka lagi dan bilangan mereka bertambah tiap-tiap tahun oleh sebab migrasi penduduk-penduduk luar bandar ke Kuala Lumpur bagi meninggikan taraf hidup masyarakat. Pertambahan ini telah menjadi-jadi selepas tahun 1963 apabila kemasukan setinggan-setinggan terutama daripada golongan Bumiputra semakin bertambah memandangkan hasrat kaum Bumiputra untuk merebut peluang-peluang yang sedia ada yang telah mereka nampak sebagai